



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 40

Isnin

6 November 2017

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Sejauh Manakah SPR Telus Dalam Mempamerkan
Rang Daftar Pemilih**
– YB. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (*Batu Gajah*) [Halaman 1]
- **Pelan Tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia Terhadap
Sekolah Bermasalah di Parlimen Lembah Pantai**
– YB. Puan Nurul Izzah Binti Anwar (*Lembah Pantai*) [Halaman 5]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 06 November 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Sejauh Manakah SPR Telus Dalam Mempamerkan
Rang Daftar Pemilih**

2.34 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sudi datang menjawab isu yang saya bangkitkan mengenai SPR. Tuan Yang di-Pertua, ketelusan dalam proses pilihan raya merupakan tunggak dalam mencapai demokrasi yang tulen. Memang diakui adalah sukar untuk mencapai tahap demokrasi yang sempurna. Akan tetapi kita harus berusaha memastikan perjalanan pilihan raya adalah adil dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Tanggungjawab ini diberikan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Adakah SPR menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan semangat Perlembagaan.

Perlu diingat bahawa selagi kita tidak mengendalikan pilihan raya secara telus dan bersih, kita akan gagal mencapai tahap demokrasi yang diinginkan. Jika keadaan ini tidak diperbetulkan, lama-kelamaan demokrasi akan terhakis dan kuasa akan berpusat kepada pihak tertentu. Akhirnya terbentuklah keadaan pemerintahan kuku besi yang bercanggah sama sekali dengan roh Perlembagaan.

Pada asasnya, rakyat telah terima baik sistem Demokrasi Berparlimen yang kita amalkan. Namun, baru-baru ini, rakyat semakin hilang kepercayaan terhadap SPR. Tuan Yang di-Pertua, SPR kini tidak lagi bertindak sebagai badan bebas dalam menjalankan tanggungjawabnya, malah dicemuh oleh pelbagai pihak kerana tindak-

tanduknya yang terang-terang berat sebelah. Perubahan-perubahan dan amalan-amalan yang dilakukan oleh SPR mempunyai niat tertentu yang mencemarkan sistem demokrasi negara kita. Konsep *neutrality* semakin pudar dalam pengurusan pilihan raya oleh SPR.

Sebagai contoh, dahulunya parti-parti politik dibenarkan untuk melantik penolong pendaftar bagi membantu mendaftar pengundi-pengundi baru tetapi tidak lagi kini. Adakah halangan ini disebabkan parti-parti pembangkang telah mendaftar lebih ramai pemilih dalam PRU-13.

Selain itu, terlalu ramai pengundi hantu telah dikenal pasti didaftarkan di merata tempat di seluruh negara. Ramai pengundi hantu telah dikeluarkan daripada daftar pemilih setelah bantahan dibuat dan disemak oleh SPR sendiri. Persoalannya, siapakah yang membuat kerja-kerja jahat sebegini. Saya pasti pihak SPR mengetahui dalangnya, tetapi tiada sebarang tindakan telah diambil terhadap individu-individu yang sepatutnya dianggap sebagai musuh negara.

Selain itu, saya ingin mengetahui berapakah jumlah pengundi baru yang telah didaftarkan dan yang bertukar alamat di negeri Perak pada tahun ini. Nyatakan statistik mengikut suku pertama, kedua dan ketiga. Nyatakan juga, jumlah pemilih yang telah dikeluarkan daripada senarai daftar disebabkan oleh kematian atau sebab-sebab yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya juga ingin mengetahui rasional SPR untuk tidak memberikan salinan '*softcopy*' rang daftar pemilih sejak suku pertama tahun ini? Senarai tersebut pernah diberikan kepada parti-parti politik sebelum ini. Kini, parti-parti politik menghadapi kesulitan untuk menyemak kesahihan pengundi yang berdaftar.

Mengapa laman web SPR yang dahulunya boleh menyemak alamat penuh pengundi tidak lagi mempamerkan maklumat tersebut? Adakah pertukaran ini bersusulan daripada pembongkaran pengundi-pengundi hantu oleh pihak pembangkang? Bukankah semua ini dilakukan dengan niat jahat membantu pihak-pihak tertentu. Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

2.39 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya adalah sebuah badan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan perjalanan pilihan raya, pendaftaran pemilih dan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya seperti mana yang telah

diperuntukkan di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Berhubung dengan isu ketulusan dalam proses pilihan raya, SPR sentiasa memastikan agar setiap proses dan prosedur sedia ada yang dilaksanakan semasa pilihan raya umum dan pilihan raya kecil dikendalikan dengan penuh integriti dan berlandaskan kepada peruntukan undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun, bagi menjamin matlamat tersebut dicapai, SPR turut memerlukan kerjasama semua pihak termasuk parti politik dan calon yang bertanding agar melaksanakan setiap perkara mengikut ketetapan undang-undang dan peraturan sedia ada semasa pilihan raya.

■1440

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, SPR telah menghentikan pelantikan semula dan baharu Penolong Pendaftar Pemilih wakil parti politik bermula pada tahun 2013. Ini bagi membolehkan SPR mengkaji dan menyelaraskan secara menyeluruh kaedah-kaedah pendaftaran sedia ada bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan urusan pendaftaran pemilih berkaitan Penolong Pendaftar Pemilih wakil parti politik. Walau bagaimanapun, bermula pada bulan September 2015, SPR telah memutuskan bahawa tiada keperluan untuk meneruskan pelantikan Penolong Pendaftar Pemilih tersebut.

Sehubungan itu, SPR hanya melantik Penolong Pendaftar Pemilih dari kalangan penjawat awam sebagai Penolong Pendaftar Pemilih wakil jabatan, ahli-ahli pertubuhan bukan kerajaan sebagai Penolong Pendaftar Pemilih, wakil pertubuhan dan kakitangan universiti atau kolej sebagai Penolong Pendaftar Pemilih wakil universiti dan kolej. Justeru, dengan pelantikan Penolong Pendaftar pemilih tersebut dan lain-lain saluran pendaftaran sedia ada, SPR berpandangan ia adalah mencukupi untuk memberi kemudahan pendaftaran kepada masyarakat umum di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penentuan kawasan pendaftaran seseorang pemilih adalah berdasarkan kepada alamat mastautin pemilih seperti mana dalam pangkalan data Jabatan Pendaftaran Negara. Sebelum nama pemilih diperakukan untuk masuk ke suatu kawasan suatu pendaftaran, SPR akan memproses permohonan tersebut berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sedia ada termasuklah mempamerkan senarai nama tersebut di kawasan pendaftaran yang berkenaan.

Oleh yang demikian, isu pengundi hantu yang mana terdapatnya pengundi luar yang datang untuk mengundi di kawasan pendaftaran merupakan satu dakwaan semata-mata. Dalam tempoh 1 Januari 2017 sehingga 31 Mac 2017, sebanyak 20,530 pendaftaran baru, 8,020 pendaftaran tukar alamat dan 4,572 pemotongan nama pemilih

atas sebab kematian dan pelepasan dan pelucutan kewarganegaraan telah diwartakan bagi negeri Perak. Dalam tempoh 1 April 2017 hingga 30 Jun 2017, sebanyak 13,557 pendaftaran baru, 3,367 pendaftaran tukar alamat dan 4,369 pemotongan nama pemilih atas sebab kematian dan pelepasan atau perlucutan kewarganegaraan telah diwartakan bagi negeri Perak. Walau bagaimanapun, urusan pendaftaran pemilih bagi tempoh 1 Julai 2017 hingga 30 September 2017 masih belum diwartakan dan sedang dipamerkan di tempat-tempat pameran seluruh negara bermula 20 Oktober 2017 hingga 6 November 2017.

Berdasarkan kepada Peraturan 13, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, SPR perlu mempamerkan Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) di tempat-tempat yang telah diwartakan sebagai tempat pameran di seluruh negara selama 14 hari untuk semakan umum. Hal ini bagi membolehkan semakan dibuat oleh orang awam dan mana-mana pemilih untuk mengemukakan bantahan atau tuntutan dalam tempoh pameran ini RDPT adalah terbuka untuk semakan oleh orang awam termasuklah parti-parti politik.

Merujuk kepada rasional SPR tidak memberikan salinan *softcopy* RDPT, mesyuarat SPR kali ke-773 pada 28 Mac 2017 telah memutuskan bahawa buku dan cakera padat RDPT tidak lagi diedarkan kepada parti-parti politik mulai pameran RDPT bagi suku tahun pertama 2017. Keputusan ini dibuat memandangkan terdapat proses pameran yang memadai bagi membolehkan pihak berkepentingan memeriksa nama-nama pemohon yang terlibat. Walau bagaimanapun, pemberhentian amalan ini tidak menghadkan akses pihak-pihak berkepentingan kepada RDPT dan dalam masa yang sama, tiada keperluan perundangan untuk SPR melaksanakan amalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah menyediakan kemudahan sistem semakan pemilih di laman web SPR di mana pemilih boleh menyemak maklumat-maklumat asas pemilih iaitu nombor kad pengenalan, nama, tarikh lahir, jantina, *locality*, daerah mengundi, Dewan Undangan Negeri, Parlimen dan negeri. Dengan adanya kemudahan sistem semakan tersebut, pemilih boleh membuat semakan dengan mudah dan seterusnya boleh membuat aduan kepada pihak SPR sekiranya memerlukan pengemaskinian maklumat yang berkaitan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada penyediaan maklumat-maklumat asas tersebut di laman web, SPR berpandangan tiada perlu untuk memaparkan maklumat alamat pemilih melalui sistem semakan pemilih di laman web SPR. Sekian, terima kasih.

Pelan Tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia Terhadap Sekolah Bermasalah di Parlimen Lembah Pantai

2.45 ptg.

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 18 Ogos 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendedahkan sebanyak 402 buah sekolah di seluruh Malaysia dikenali sebagai sekolah '*hotspot*', iaitu sekolah yang didapati mempunyai masalah disiplin dan dadah. Sebanyak tiga buah sekolah berada di dalam kawasan Parlimen Lembah Pantai tersenarai sebagai menghadapi masalah disiplin dan dadah di kalangan pelajarinya.

Ketiga-tiga buah sekolah di Lembah Pantai iaitu SMK Sri Pantai, SMK Seri Sentosa dan SMK Bukit Bandaraya diklasifikasikan oleh KPM sebagai di bawah kategori 3, sekolah yang mempunyai masalah disiplin dan dadah. Perkara ini amat membimbangkan apabila institusi pendidikan untuk anak-anak Lembah Pantai kini terpalit dengan aktiviti kurang sihat seperti buli dan ponteng sekolah, apatah lagi dalam isu dadah.

Isu ini mengakibatkan rasa bimbang kepada masyarakat dan ibu bapa dengan keadaan sekolah di Lembah Pantai yang kurang kondusif untuk menimba ilmu. Lebih menyedihkan apabila data yang dikeluarkan oleh KPM membuktikan bahawa kesemua 22 buah sekolah yang tersenarai tersebut dalam kelompok kategori 3. Semua sekolah Kuala Lumpur yang tersenarai juga dilaporkan terlibat dalam gejala dadah.

Walaupun kenyataan Menteri Pendidikan menyatakan cabaran menangani masalah dadah datang daripada pengaruh luar, namun perancangan yang longgar daripada pihak KPM juga merupakan punca asas jenayah nombor satu negara ini kian mudah didekati oleh pelajar sekolah.

Statistik KPM yang hanya menyatakan penurunan peratusan pelajar mencuba dadah ini bagi enam bulan pertama 2017 daripada 0.036 peratus kepada 0.0276 peratus daripada keseluruhan murid Malaysia tidak menggambarkan realiti sebenar.

Dalam menangani masalah ini, pihak KPM perlu menjelaskan pelan tindakan khas bagi ketiga-tiga buah sekolah di Lembah Pantai yang menghadapi masalah disiplin dan dadah, termasuk kesemua sekolah di Kuala Lumpur serta seluruh negara. Pelan tindakan khas ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian dengan peruntukan kewangan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Membanteras Dadah pada 25 Oktober 2016.

KPM juga perlu membentangkan statistik masalah disiplin murid dan penglibatan jenayah dadah di SMK Seri Sentosa, SMK Sri Pantai dan SMK Bukit Bandaraya dari

tahun 2012 hingga September 2017. Pembentangan laporan seperti ini dapat membantu ibu bapa, PIBG dan orang awam dalam usaha membantu memerangi masalah disiplin dan jenayah dadah bersama.

KPM juga perlu menjelaskan berapa kekerapan aktiviti PROGRES yang dilaksanakan di ketiga-tiga buah sekolah di Lembah Pantai dan Kuala Lumpur dalam usaha memerangi jenayah dadah di sekolah-sekolah Malaysia. Sekian, terima kasih.

2.48 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada kesempatan ini, izinkan saya menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai mengenai Pelan Tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Terhadap Sekolah Bermasalah di Parlimen Lembah Pantai.

Kementerian Pendidikan Malaysia menggunakan konsep sekolah *hotspot* sebagai satu alternatif untuk menggiatkan usaha yang proaktif dan berterusan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membantu pihak sekolah yang berada dalam kawasan yang berisiko tinggi jenayah. Senarai sekolah *hotspot* dikenal pasti berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Penting saya tegaskan di sini bahawa 22 buah sekolah di Kuala Lumpur termasuk tiga buah sekolah di Parlimen Lembah Pantai yang disenaraikan sebagai sekolah *hotspot* bukan bertujuan untuk menakutkan ibu bapa dan masyarakat, bukan juga menggambarkan kemerosotan disiplin murid di kawasan Lembah Pantai khususnya dan seluruh negara amnya.

Langkah tersebut merupakan tindakan proaktif kementerian untuk memastikan intervensi khusus boleh dilaksanakan oleh semua pihak bagi menangani isu salah laku disiplin murid. Perlu kita ingat bahawa sekolah-sekolah yang sama menghasilkan murid yang berjaya dalam bidang akademik dan kokurikulum. Sebagai contoh, murid SMK Seri Sentosa telah mewakili Malaysia dalam *Thailand Sport School Games* dan berjaya meraih pingat Perak dalam acara balapan. Secara keseluruhan, pencapaian akademik ketiga-tiga sekolah tersebut berada pada tahap memuaskan.

■1450

Pada tahun 2016, peratus lulus SPM bagi SMK Bukit Bandaraya ialah 90.10 peratus, SMK Seri Pantai 86.6 peratus dan SMK Seri Sentosa 83.4 peratus. Dalam hal ini, amat mengecewakan apabila Yang Berhormat Lembah Pantai lebih suka menonjolkan kelemahan kementerian dan sekolah tetapi tidak pernah memberi pengiktirafan kepada kejayaan sekolah seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman dadah merupakan musuh utama negara dan kerajaan komited menangani isu ini secara bersepadu termasuk memberi fokus kepada pendidikan. Namun seperti Ahli Yang Berhormat maklum, gejala dadah sukar untuk dibanteras tanpa kerjasama semua pihak. Natiyahnya, murid sekolah di kawasan berisiko tinggi turut terdedah dengan pengaruh negatif tersebut. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah mengenal pasti bahawa antara faktor-faktor mencuba dadah adalah:

- (i) kecanggihan teknologi menyebabkan mangsa mudah memilih dan mencari maklumat mengenai dadah yang berada di pasaran dan kegunaan serta ingin mencuba;
- (ii) pengaruh rakan sebaya yang telah tercicir daripada sistem pendidikan;
- (iii) kurang perhatian keluarga kerana ibu bapa sibuk bekerja; dan
- (iv) mengalami masalah keluarga seperti ibu bapa bercerai dan murid di bawah jagaan saudara-mara terdekat.

Sehubungan dengan itu, sekali lagi amat menyedihkan apabila Yang Berhormat Lembah Pantai menafikan peranan menyediakan benteng pertahanan diri murid dan menuduh perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang longgar, sedangkan semua faktor terlibat dadah yang disebutkan tadi merupakan faktor di luar kawalan guru-guru dan sekolah. Segelintir murid yang bermasalah tidak sepatutnya menenggelamkan sumbangan guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia membangunkan kecemerlangan murid. Mereka tidak berputus asa untuk terus membimbing murid-murid yang bermasalah disiplin.

Berdasarkan rekod Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM), ketiga-ketiga sekolah yang disenaraikan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai ada kes disiplin. Dalam tempoh 2012 hingga 2017, SMK Bukit Bandaraya mempunyai isu berkaitan rokok dan tingkah laku berunsur jenayah. Manakala SMK Seri Sentosa mempunyai isu ponteng, biadab dan tingkah laku tidak pentingkan masa. SMK Seri Pantai pula mempunyai isu berkaitan ponteng, biadab dan rokok.

Bagi kes mencuba dadah, tiada murid dari SMK Bukit Bandaraya dan SMK Seri Sentosa yang terlibat mencuba dadah dalam tempoh 2012 hingga 2017. Bagi SMK Seri Pantai, murid yang terlibat mencuba pada tahun 2014 ialah seorang, tahun 2016 seramai enam orang dan sehingga Julai 2017 dikesan seramai tiga orang.

Kementerian Pendidikan Malaysia ingin menegaskan bahawa murid yang mencuba dadah masih tidak dikategorikan sebagai penagih dadah. Mereka masih mengikuti pembelajaran dan aktiviti sekolah seperti biasa tetapi perlu mengikuti pemantauan dan bimbingan terancang oleh kaunselor sekolah. Selepas tiga bulan, murid-murid ini akan diuji semula oleh AADK untuk memastikan mereka bebas dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berwaspada dengan ancaman dadah kepada murid sekolah walaupun kegiatan mengambil dadah ini berlaku di luar kawasan sekolah. Peraturan disiplin yang ada di sekolah pada masa ini mampu mengawal murid-murid daripada membawa dan mengambil dadah dalam kawasan sekolah.

Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) melalui empat pendekatan utama iaitu pengurusan dan kepimpinan, kurikulum, kokurikulum dan pembentukan sahsiah. Sasaran utama Kementerian Pendidikan Malaysia ialah murid, guru, kakitangan dan ibu bapa menerima maklumat PPDa. Strategi utama yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ialah pencegahan dan intervensi secara implisit dan eksplisit di semua sekolah rendah dan juga menengah. Semua sekolah mempunyai Jawatankuasa PPDa yang akan menyelaras pelaksanaan aktiviti PPDa sepanjang tahun.

Antara aktiviti PPDa yang dilaksanakan di sekolah ialah mesej Lima Minit Anti Dadah, Sambutan Minggu Anti Dadah, Bilik Laluan PPDa, Pengajaran PPDa dalam subjek Kesihatan dan Badan Beruniform Skim Lencana Anti Dadah (SLAD).

Melalui prinsip NBOS, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjalin kerjasama dengan kementerian dan agensi lain termasuk pertubuhan bukan kerajaan bagi memperluas mesej pencegahan dadah. Antara aktiviti yang dilaksanakan di bawah konsep NBOS ialah:

- (i) ujian urin untuk murid sekolah menengah; sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) untuk murid-murid yang dikesan mencuba dadah;
- (ii) Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) untuk murid-murid sekolah rendah di kawasan yang berisiko;
- (iii) Program IMFree iaitu penerapan bahaya rokok kepada murid sekolah rendah bermula tahun Satu; dan
- (iv) melaksanakan Kempen Bahaya Dadah kepada murid-murid menerusi Program Ilmu, Maju, Amal dan Nekad (IMAN) di sekolah rendah dan menengah.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Program Gerak Sedar Bersepadu (PROGRES) yang dilaksanakan secara rintis pada 2017 dan akan dilaksanakan sepenuhnya di kawasan sekolah-sekolah yang berisiko pada tahun 2018.

Antara agensi yang terlibat dalam program tersebut ialah FELDA, PDRM, pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Semua agensi ini telah berbincang untuk meningkatkan aktiviti masing-masing di luar kawasan sekolah dan di persekitaran tempat tinggal murid khususnya di kawasan yang berisiko yang telah dikenal pasti oleh AADK. Kementerian Pendidikan Malaysia menggunakan strategi PROGRES ini bagi tujuan menarik ahli komuniti setempat khususnya ibu bapa bagi mewujudkan rasa lebih bertanggungjawab terhadap pergerakan dan aktiviti anak-anak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai program jangka pendek dan jangka panjang telah dan akan dilaksanakan berdasarkan keperluan dan persekitaran sekolah bagi menangani isu disiplin murid termasuk gejala dadah. Bagi sekolah-sekolah di Lembah Pantai Kuala Lumpur, pihak sekolah melaksanakan inisiatif tambahan, antaranya ialah:

- (i) Program Rekrut Murid: Hati ke Hati. Program ini telah berjaya meningkatkan kehadiran murid ke sekolah;
- (ii) Program Rekod dan Rawat;
- (iii) Program Jom ke Sekolah;
- (iv) Program Jejak Kasih. Pihak sekolah menjejaki murid yang bermasalah hingga ke rumah; dan
- (v) Program Mantap Minda dan Kental Jiwa bersama dengan NGO dan juga Polis Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah di Kementerian Pendidikan Malaysia adalah bersifat holistik untuk membangunkan modal insan yang berakhlak mulia. Banyak faktor luaran yang mempengaruhi murid-murid terlibat dalam salah laku disiplin termasuk mencuba dadah yang di luar bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia sememangnya mempunyai dasar yang jelas dan program pencegahan dadah dan disiplin yang terancang. Namun Kementerian Pendidikan Malaysia sangat mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk komuniti setempat untuk berganding bahu membantu dan menyambut usaha sama Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan sekolah dan persekitaran yang bebas daripada masalah disiplin serius termasuk dadah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 7 November 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.58 petang]